

23 JUL 1999

Mahathir-BN

MAHATHIR YAKIN BN AKAN MENANG DI KELANTAN

KOTA BAHARU, 23 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan menang di Kelantan dalam pilihan raya umum yang akan datang.

"Saya ingat boleh menang kali ini, insya-Allah. Melainkan sesuatu mala petaka berlaku, saya yakin bahawa BN boleh menang di Kelantan," kata Dr Mahathir, Pengerusi BN, pada persidangan berita bagi mengakhiri lawatan dua harinya ke Kelantan hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai menjawab soalan mengenai peluang BN untuk merampas semula Kelantan daripada PAS.

Dr Mahathir berkata keyakinan beliau itu berasaskan kepada perpaduan yang terdapat di kalangan anggota Umno di negeri ini pada masa ini dan penyertaan semula semua bekas anggota Parti Melayu Semangat 46 (S46) yang telah dibubarkan.

"Kerjasama yang kuat antara ahli-ahli Umno dan tak ada perbezaan (antara sesama anggota)... ini semua membuktikan bahawa banyak kemungkinan BN akan menang di Kelantan," katanya.

Dr Mahathir juga berkata daripada lawatannya kali ini beliau mendapati banyak perubahan telah berlaku di Kelantan terutama daripada segi semangat penyokong dan anggota parti kerajaan terutama Umno.

Katanya mereka nampak lebih bersemangat dan bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya dan mereka faham mengenai tindakan-tindakan yang sedang diambil oleh kerajaan.

"Tidak ada masalah...orang faham berkenaan dengan dasar-dasar kerajaan dan semuanya bersatu hati untuk menjayakan BN," katanya.

Beliau berkata antara masalah yang dihadapi oleh Umno di Kelantan ialah sikap penyokong dan anggota PAS yang mempunyai pemikiran yang tertutup disebabkan mereka tidak dibenarkan membaca akhbar kecuali "Harakah" terbitan parti itu dan mendengar ucapan pemimpin mereka sahaja.

"Mereka begitu takut kalau ahli-ahli mereka terdengar penjelasan daripada Umno dan kerajaan dan dengan itu mereka akan menukar pendirian mereka.

"Jadi dengan itu kita dapati ahli-ahli PAS begitu taksub sekali dengan pemimpin mereka sehingga tidak sanggup lagi menerima kenyataan," katanya.

Mengenai strategi Umno untuk menghadapi keadaan itu, beliau berkata Umno akan terus mengulangi penjelasannya mengenai apa yang benar.

"Apabila mereka melempar fitnah kepada kita, kita akan dedahkan pembohongan mereka...tetapi bila orang dia tak hendak langsung baca, dengar benda yang benar itu susahlah," katanya.

Ditanya mengenai tuduh-menuduh antara parti politik, Dr Mahathir berkata: "Kami tidak lemparkan tuduhan, hanya PAS yang lemparkan tuduhan. Kami tidak lempar tuduhan, kami katakan apa yang benar, kebenaran yang sebenar-benarnya... tidak ada perbuatan melempar tuduhan oleh Umno. Umno tak buat kerja lempar tuduhan terhadap orang lain, hanya PAS yang buat begitu."

Beliau berkata sebaliknya sekiranya anggota PAS boleh membuka mata, telinga dan hati mereka, beliau yakin tiada siapa yang akan menyokong PAS.

"Orang Islam umpamanya tidak boleh sokong PAS kerana tidak ada orang yang menghina tuhan seperti pemimpin PAS. Saya tidak boleh fikir ada orang Islam yang sanggup menerima dakwaan PAS bahawa tuhan mencarut guna perkataan seperti yang terdapat dalam buku "Shit".

"Bahkan perkataan 'shit' pun saya cari dalam Quran tak ada..." katanya

ketika merujuk kepada dakwaan Musyidul Am PAS Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat kononnya tuhan membenarkan perkataan mencarut seperti yang ditulis Datuk Shahnnon Ahmad dalam buku itu.

Dr Mahathir turut menafikan tuduhan pembangkang kononnya beliau mengumpul harta sepanjang pemerintahannya.

Katanya beliau juga tidak pernah mengambil hadiah yang banyak yang diberikan kepadanya termasuk emas dan kereta, sebaliknya menyerahkan benda-benda itu kepada kerajaan dan Umno.

"Orang beri saya berpuluh kereta," katanya.

Hadiah-hadiah itu kini dipamerkan di sebuah galeria di Langkawi, katanya.

Katanya beliau menganggap hadiah-hadiah itu diberikan kepadanya sebagai Perdana Menteri dan bukan sebagai individu.

Beliau berkata di Kuala Lumpur beliau hanya menggunakan kereta Proton dan pernah ke majlis rasmi menaiki kereta Perodua dan tidak menggunakan kereta mewah.

Beliau turut menafikan dakwaan kononnya beliau membantu perniagaan anaknya.

"Saya tak perlu nak tolong anak saya, dia orang tahu macam mana nak berniaga, dia bukan bodoh sangat. 'They are not complete idiots,'" katanya.

-- BERNAMA

TM KHY NMO